

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 MAC 2016 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penapis air hasilkan air minuman terus dari sungai, paya	BERNAMA
2.	Local inventor creates innovate filter system to render river, swamp water drinkable	Malay Mail
3.	El Nino dijangka makin berkurang pada bulan Jun	BERNAMA
4.	Hanya 15,000 penuntut memilih bidang sains di IPTA	BERNAMA



Penapis Air Hasilkan Air Minuman Terus Dari Sungai, Paya

TEMERLOH, 27 Mac (Bernama) -- Prihatin dengan nasib mangsa banjir yang sukar mendapat bekalan air minuman mendorong Nor Hasrin Kassim mencipta sistem penapis air inovatif yang berkebolehan 'menghasilkan' air minuman terus dari sungai atau paya.

Nor Hasrin, 50, berkata air yang terhasil daripada sistem menggunakan 'penapis membrane' itu boleh diminum terus kerana sistem itu berkebolehan menghapus kuman seperti E.coli, menapis bahan berat besi dan membuang warna, rasa serta bau.

"Penapis air ini juga bersifat mudah alih kerana boleh dimuatkan ke dalam lori satu tan. Ini membolehkan bekalan air bersih dibawa kepada mangsa banjir," katanya selepas majlis penyerahan penapis air itu kepada penduduk Kampung Batu Balai Kerdau di sini, Ahad.

Majlis penyerahan itu disempurnakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya yang mewakili menteri berkenaan, Datuk Seri Madius Tangau.

Nor Hasrin berkata kampung itu dipilih sebagai lokasi pemasangan sistem penapis air berharga RM100,000 itu berikutan sering dilanda banjir.

Berpengalaman selama 30 tahun dalam industri berkaitan air termasuk pernah bertugas sebagai pengurus loji, Nor Hasrin berkata sistem itu mengambil masa dua tahun untuk disiapkan dengan modal lebih RM300,000.

"Kejayaan menghasilkan sistem penapis air ini memberi kepuasan kepada saya kerana saya memang berniat mahu membantu mangsa banjir menggunakan kepakaran dan kemahiran yang ada.

"Sistem ini boleh beroperasi menggunakan tenaga elektrik dan jika bekalan tenaga terputus yang lazim berlaku semasa banjir besar, pengguna hanya perlu menyambungnyanya kepada generator," katanya.

Nor Hasrin menjelaskan sistem itu sangat mudah untuk dikendalikan, pengguna perlu mengepam air mentah ke tangki pertama dan apabila mesin 'dihidupkan', air mentah akan 'melalui' tiga tabung sebelum dikumpul di tangki air bersih.

Tabung pertama berfungsi sebagai penghapus kuman dan organisma mikro sebelum ke tabung dua bagi tujuan mencerna dan pelembut air manakala tabung ketiga akan menghilangkan bau, rasa serta warna.

"Air itu sekali lagi akan melalui sistem penghapus kuman sebelum dikumpul di tangki air bersih yang dilengkapi paip bagi memudahkan pengguna mendapatkan air," katanya.

Nor Hasrin berkata sistem itu berkeupayaan menapis air sehingga 3,000 galen sehari.

Sementara itu, Mohd Azhar berkata projek penapis air itu ialah satu daripada projek di bawah program Inovasi Sosial MOSTI yang dilaksanakan melalui Yayasan Inovasi Malaysia yang dapat memberi faedah kepada penduduk setempat.

"Ini dapat menyelesaikan masalah utama rakyat seperti bekalan air bersih yang merupakan keperluan asas dan keduanya kos murah dan sumber juga boleh didapati dengan mudah iaitu menggunakan air sungai dan paya," katanya.

Mohd Azhar berkata MOSTI berharap lebih ramai penginovasi dan pengusaha tempatan dapat menghasilkan ciptaan baharu bagi membantu menangani kesusahan masyarakat.

-- BERNAMA



Local inventor creates innovative filter system to render river, swamp water drinkable

TEMERLOH, March 27 (Bernama) — Concerned over flood victims who find drinking water supply hard to come by prompted Nor Hasrin Kassim to create a water filtering system which can extract drinking water from rivers or swamps.

Nor Hasrin, 50, said water passing through the system which used membrane filter was drinkable as it could eradicate germs such as E. coli, heavy metals and colour, taste and smell.

"The water filter can be loaded on a one-tonne lorry. This allows clean water supply to be delivered to flood victims," he said after a ceremony to hand over a unit of the water filter system to the residents of Kampung Batu Balai, Kerdu here, today.

The handing over was done **by Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti)** deputy secretary-general (Policy) Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya, who represented his minister Datuk Seri Madius Tangau.

Nor Hasrin said the village was picked as the location to install the RM100,000 water filter system because it was flood-prone.

Nor Hasrin, who has 30 years of experience in the water industry including having worked as a plant manager, said the system took two years to be completed on a capital of RM300,000.

"It gives me satisfaction to produce the water filter system because I aspire to help flood victims using my expertise and skills.

"The system can operate on electricity and, if the power supply is disrupted, as is often the case during major floods, the user need only hook it up to a generator," he said.

Nor Hasrin said the system was also very easy to operate. The user must pump raw water into the first tank. When the machine is activated, the raw water will pass via three tubes before collecting in the clean water tank.

The raw water flows into the first tube for ridding of germs and microorganisms, then it goes to the second tube for softening and then the third tube which gets rid of its smell, taste and colour.

"The water will once again pass through a germ eradication system before gathering in the clean water tank which is equipped with pipes to channel the water to consumers," he said.

Nor Hasrin said the system could filter up to 3,000 gallons (11,356.24 litres) of water a day.

Meanwhile, Mohd Azahar said the water filter system was one of the projects under Mosti's social innovation programme which was implemented via the Malaysia Innovation Foundation to benefit a local populace.

"This can solve the people's main problems such as clean water supply which is a basic need, secondly, its cost is low and (thirdly) the availability of resources such as water from rivers and swamps," he said.

Mohd Azhar added that Mosti hoped more innovators and local entrepreneurs could think up and manufacture new inventions which could help overcome the people's problems

- See more at: <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/local-inventor-creates-innovative-filter-system-to-render-river-swamp-water#sthash.zAYfxCT9.dpuf>



El Nino Dijangka Makin Berkurang Pada Bulan Jun

SETIU, 27 Mac (Bernama) -- Cuaca panas ekoran fenomena El-nino yang melanda negara ketika ini dijangka makin berkurangan pada Jun ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Prof Madya Dr Ramzah Dambul berkata ketika ini kebanyakan kawasan bandar telah mencapai petunjuk tahap gelombang haba.

Katanya cuaca panas ini juga sedang menurun namun masih pada peringkat berjaga-jaga.

"Fenomena El Nino ini akan menyebabkan keadaan lebih kering daripada biasa dan kita menjangkakan akan kembali stabil pada bulan Jun ini," katanya selepas program Duta Sains, di sini hari ini.

Pada program berkenaan seramai 16 guru dari tujuh buah sekolah di Parlimen Setiu terlibat sebagai Duta Sains bagi parlimen itu.

Jelasnya, pihak kementerian (MOSTI) juga berhasrat untuk memperluaskan lagi Program Duta Sains ke (kawasan) Parlimen yang lain dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang tersebut.

Katanya buat permulaan empat kawasan Parlimen iaitu Jerlun, Kedah; Tangga Batu, Melaka; Tuaran, Sabah dan Setiu, Terengganu.

"Bagaimapun kita akan melihat tindak balas menerusi program rintis ini...jika memuaskan kita akan perluas ke parlimen yang lain," katanya.

Jelas beliau Duta Sains ini berperanan untuk menangani sebarang permasalahan yang wujud di dalam komuniti dengan menggunakan pendekatan berasaskan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Beliau berkata ia juga bagi membentuk kekuatan golongan pelapis dalam bidang STI yang bakal menjadi penentu di dalam kelangsungan sesebuah negara untuk terus maju dan membangun.

Di GEORGE TOWN, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, jumlah kes demam denggi seluruh negara ekoran cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino dilaporkan menurun sebanyak 113 kes bagi minggu ke 12 (20 hingga 26 Mac) berbanding minggu ke 11 tahun ini.

Dr. Hilmi berkata bagi minggu ke 12 sebanyak 1,877 kes dilaporkan berbanding minggu ke 11 iaitu 1,990 kes dengan dua kematian direkodkan minggu lepas.

"Sejak dua minggu lepas, jumlah kes demam denggi dilaporkan menurun.

"Bagaimanapun orang ramai perlu sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga termasuk membersihkan kawasan rumah kerana jentik-jentik boleh hidup hingga enam bulan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Permuafakatan Komuniti 1 Malaysia Peringkat Pulau Pinang hari ini.

Beliau berkata secara keseluruhannya sebanyak 34,801 kes demam denggi dilaporkan sejak Januari hingga semalam berbanding 32,321 kes bagi tempoh sama tahun lepas, iaitu peningkatan sebanyak 7.7 peratus atau 2,480 kes.

"Bagi tempoh yang sama jumlah kematian yang direkodkan adalah 85 orang berbanding 101 kematian pada tahun lepas iaitu menurun sebanyak 15.8 peratus," katanya.

Dr. Hilmi yang juga Anggota Parlimen Balik Pulau berkata sejumlah 855 lokaliti wabak masih aktif dilaporkan dengan 25 lokaliti wabak baru dilaporkan semalam dan sebanyak 545 lokaliti wabak terkawal serta 86 wabak tidak terkawal direkodkan.

Sementara itu, beliau berkata Kementerian Kesihatan menerima sembilan laporan masalah kesihatan berkaitan cuaca panas melampau di wilayah utara termasuk satu kes terbaru strok haba sepanjang minggu lepas.

Katanya tujuh daripada kes yang dicatatkan itu berkaitan masalah kelesuan haba iaitu satu kes di Perlis dan enam kes di Kedah manakala dua kes di sebabkan kekejangan haba dilaporkan di Kedah.

Kes terbaru strok haba itu dilaporkan di Perak dan dengan ini menjadikan jumlah kes strok haba kepada enam setakat ini, katanya.

"Masalah kesihatan berkaitan cuaca panas melampau itu berlaku apabila individu terdedah kepada suhu panas yang tinggi menyebabkannya mengalami simptom seperti pening kepala, pangsan, muntah dan peluh yang berlebihan.

"Orang ramai dinasihatkan supaya kurangkan aktiviti di luar rumah atau bangunan pada siang hari agar tidak terdedah dengan cuaca panas kerana kebanyakan kes strok haba dan keletihan strok berpunca daripada aktiviti fizikal intensif," katanya.

Dr. Hilmi berkata Kementerian Kesihatan akan meneruskan pemantauan bagi memastikan khidmat terbaik diberi kepada mereka yang berdepan dengan masalah berkaitan cuaca panas ini.

Dalam perkembangan lain beliau berharap kerajaan negeri Pulau Pinang dapat mencari jalan penyelesaian berhubung projek ternakan udang di kawasan Kuala Jalan Bahru, Balik Pulau dekat sini yang didakwa menjejaskan alam sekitar dan hasil tangkapan laut.

Katanya projek itu bukan sahaja menjejaskan pendapatan lebih 1,000 nelayan di situ malah akan memusnahkan sumber hidupan laut seperti ikan, udang dan ketam di kawasan berkenaan ekoran pembuangan sisa beracun dari kolam ternakan itu.

Semalam, Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) serta nelayan menggesa projek ternakan udang di kawasan itu dihentikan kerana mendakwa hasil tangkapan nelayan pantai di jeti Kuala Sungai Pinang, Pantai Acheh, Kuala Jalan Bahru, Kuala Sungai Burung dan Pulau Betong terjejas sejak projek itu bermula.

Di SEREMBAN, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan Norazam Khamis berkata, kira-kira 15 kes kebakaran hutan dilaporkan berlaku di negeri itu sepanjang musim cuaca panas dan kering ekoran El-Nino.

Katanya, selain itu pihaknya kini menerima banyak panggilan dalam sehari termasuk kes kebakaran hutan yang berlaku serentak di beberapa kawasan.

"Dalam satu hari, kebakaran berlaku di dua atau tiga tempat...setakat ini kita tak mempunyai masalah berkaitan bekalan air untuk proses memadamkan api," katanya kepada Bernama.

Hari ini, enam kes kebakaran hutan dilaporkan berlaku iaitu di lebuhraya Seremban-Port Dickson (satu hektar), Tanjung Tuan Telok Kemang (2.5 hektar), KM279 Lebuhraya Utara Selatan (1.5 hektar), Taman Bukit Sendayan (0.5 hektar), Jalan Jasmin Senawang (2.5 hektar) dan berhampiran Universiti Antarabangsa Manipal di Nilai (0.5 hektar).

Satu kebakaran melibatkan tapak pelupusan sampah di Port Dickson.

Tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam semua kebakaran itu, katanya.

-- BERNAMA



Hanya 15,000 Penuntut Memilih Bidang Sains Di IPTA

SETIU, 27 Mac (Bernama)-- Hanya 15,000 penuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memilih bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) bagi melanjutkan pelajaran.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia Hazami Habib berkata keadaan itu menyebabkan ketandusan kepakaran di dalam bidang berkenaan ekoran pelajar tidak meminati meneroka ketiga-tiga bidang itu.

Katanya kira-kira 30,000 tempat disediakan di dalam bidang itu namun hanya separuh daripada mereka mengisi bidang berkenaan.

"Tidak ramai penuntut memilih bidang sains ini dan ia sekali gus menyebabkan kita kekurangan bakat dalam STI ini...mungkin mereka juga tidak nampak peluang pekerjaan menerusi bidang ini.

"Generasi muda ini lebih cenderung untuk memilih bidang kejuruteraan mahupun pakar perubatan sebagai kerjaya mereka," katanya selepas program Duta Sains, di sini hari ini.

Menurutnya Hazami, pihaknya bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kini giat melaksanakan pelbagai program STI termasuk Program Duta Sains bagi menarik minat lebih ramai mendalami bidang sains ini.

Langkah yang dilaksanakan ini bagi menangani masalah tempatan dengan menggunakan pendekatan sains dan teknologi, menggalak, mempromosi dan menginovasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Kita turut mengambil inisiatif dengan memupuk minat dalam bidang ini bermula dari pelajar sekolah rendah bagi menarik dan menanam minat mereka.

"Selain itu skop dan kumpulan sasar bagi program MSI ini juga turut diperluaskan agar dapat dimanfaatkan setiap peringkat masyarakat," katanya.

Katanya MOSTI juga telah memperuntukkan sebanyak RM20 Juta pada tahun ini untuk merencana dan memperkasa program STI ini.

-- BERNAMA